POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU

PELANCONGAN & HOSPITALITI DALAM ISLAM

SHARIFAH NUR ABU



PELANCONGAN & HOSPITALITI DALAM ISLAM

Edisi Pertama
Terbitan Pertama 2026
©Jabatan Pengajian Am Politeknik Merlimau Melaka, 2026

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Merlimau.

SHARIFAH NUR ABU

Diterbitkan Oleh:
Politeknik Merlimau Melaka
Kementerian Pendidikan Tinggi
77300 Merlimau Melaka.
Tel: 06-2636687
Fax: 06-2636678
Email: https://pmm.mypolycc.edu.my/

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7737-69-0

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, eBuku Pelancongan dan Hospitaliti Dalam Islam ini berjaya disediakan sebagai bahan rujukan dan sokongan pembelajaran kepada para pelajar.

eBuku ini disusun berdasarkan kandungan kursus yang ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi, dengan memberi penekanan kepada konsep pelancongan dan hospitaliti dalam Islam, kebersihan dan nilai estetika serta aplikasi asas syariah dalam bidang berkaitan.

Semoga eBuku ini dapat membantu pelajar memahami konsep dan prinsip Islam dengan lebih mudah serta mengaplikasikannya dalam kehidupan, pembelajaran dan alam pekerjaan secara berilmu, berakhlak, amanah dan profesional.

Sharifah Nur Abu

KENALI PENULIS




Berkhidmat sebagai Pensyarah Utama di Jabatan Pengajian Am Politeknik Merlimau Melaka. Berpengalaman mengajar dan terlibat dalam penulisan modul Mata Pelajaran Umum Versi Politeknik Malaysia.


SHARIFAH NUR ABU

" Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran e-Buku ini dilengkapi dengan bahan yang informatif dan interaktif "

MANUAL PENGGUNA



eBuku ini dilengkapi dengan huraian topik yang lebih terperinci dengan maklumat-maklumat baru serta mempersembahkan infografik bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah dan pelajar dilaksanakan dengan lebih mudah dan berkesan.



Latihan pengukuhan setiap topik disediakan untuk menguji pemahaman pelajar berdasarkan huraian topik tersebut. Pensyarah boleh membimbing pelajar dengan memberikan soalan berdasarkan subtopik yang telah ditentukan untuk pelajar huraikan semasa sesi perbincangan dilakukan. eBuku ini juga disertakan latihan interaktif dalam bentuk gamifikasi, H5P interactive book dan pembelajaran berasaskan webAR dan V360 untuk menguji minda dan tahap pemahaman.



Maklumat tambahan diberi dalam bentuk QR Code. Pelajar boleh scan QR Code untuk mendengar penerangan yang lebih terperinci pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, cadangan jawapan juga disediakan dalam bentuk QR Code.

ISI KANDUNGAN

Manual Pengguna vi
Isi Kandungan vii

Topik 1: Konsep Asas Islam 01
Islam sebgai cara hidup 03
Implikasi cara hidup Islam 08
Salahfaham terhdap Islam 10
Checkpoint Ilmu 16

Topik 2: Pelancongan dan Hospitaliti Dalam Islam 17
Konsep pelancongan dalam Islam 19
Konsep hospitaliti dalam Islam 26
Checkpoint Ilmu 31

Topik 3: Kebersihan dan Nilai Estetika Dalam Islam 32
Konsep kebersihan menurut Islam 34
Nilai Estetika dalam Islam 37
Aplikasi kebersihan dan estetika 39
Checkpoint Ilmu 43

Topik 4: Prinsip Syariah dan Kaedah Fiqh Dalam Pelancongan dan Hospitaliti 44
Konsep Syariah, prinsip dan peranan 46
Konsep Kaedah Fiqh 50
Aplikasi kaedah fiqh 56
Checkpoint Ilmu 68

Kesimpulan 69
Latihan Interaktif 70
Aktiviti AR/V360 71
Info Ilmiah 72
Rujukan 73

KONSEP ASAS ISLAM



KLIK SINI

Scan QR Code ini
untuk tonton Video

HASIL PEMBELAJARAN

Diakhir topik pelajar akan dapat:

1. Menerangkan Islam sebagai cara hidup.
2. Mengenalpasti salahfaham terhdap Islam dan cara mengatasi

ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP

Islam ialah cara hidup yang lengkap dan menyeluruh yang mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekitar.

Dalam bidang pelancongan dan hospitaliti, Islam bukan hanya menetapkan hukum berkaitan makanan, penginapan atau ibadah, tetapi turut membimbing cara seseorang bekerja, melayan tetamu, mengurus perniagaan dan menjaga alam sekitar.

Islam menggabungkan akidah, syariah dan akhlak sehingga setiap pekerjaan dapat dilakukan dengan tujuan memperoleh keredaan Allah SWT.

Dalil (Surah al-Ma'idah, 5:3):
"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama untuk kamu."

Contoh dalam hospitaliti:
Seorang pengurus hotel bukan hanya mengejar keuntungan, tetapi memastikan makanan halal, pekerja menjaga amanah, pelanggan dilayan dengan baik dan kemudahan hotel tidak digunakan untuk perkara yang bercanggah dengan syariah.

KONSEP AKIDAH

Akidah ialah kepercayaan dan keyakinan yang teguh dalam hati terhadap Allah SWT serta perkara-perkara yang berkaitan dengan keimanan. Akidah menjadi asas kepada segala tindakan seorang Muslim.





Akidah yang benar membentuk keyakinan bahawa:

Allah SWT ialah satu-satunya Tuhan yang wajib disembah.

Allah SWT mengetahui segala perbuatan manusia.

Setiap amalan akan dipertanggungjawabkan.

Rezeki datang daripada Allah SWT, tetapi manusia tetap wajib berusaha.

Pekerjaan yang dilakukan dengan cara halal dan amanah mempunyai nilai ibadah.

KONSEP AKIDAH



Dalam bidang pelancongan dan hospitaliti, akidah membentuk pekerja yang:

- Jujur ketika mengurus wang pelanggan;
- Tidak menipu harga atau maklumat hotel;
- Tidak mengambil barang pelanggan;
- Tidak menyalahgunakan jawatan;
- Menjaga amanah walaupun tidak diperhatikan oleh majikan.

Pengurusan yang baik perlu menekankan dan berpaksikan **akidah tauhid**, **nilai akhlak** dan **peranan manusia sebagai hamba serta khalifah.**

Dalil (Surah al-Ikhlas, :1)
"Katakanlah: Dialah Allah Yang Maha Esa."


Contoh situasi:

Pekerja *housekeeping* menemui wang tunai dan barang berharga milik pelanggan. Walaupun tiada kamera atau penyelia di dalam bilik, dia menyerahkan barang tersebut kepada pihak pengurusan kerana yakin Allah SWT melihat setiap perbuatannya.

Kata kunci:
Akidah → Yakin kepada Allah → Amanah → Integriti

KONSEP SYARIAH

Syariah ialah peraturan dan hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia. Syariah meliputi bidang ibadah, muamalat, kekeluargaan, akhlak dan kehidupan sosial.



Dalam industri pelancongan dan hospitaliti, prinsip syariah dapat diterapkan melalui:

Penyediaan makanan dan minuman halal;

Pengurusan kewangan yang bebas daripada unsur haram;

Menjaga aurat dan batas pergaulan;

Menyediakan kemudahan ibadah;

Memastikan tempat penginapan bersih dan selamat;

Mengelakkan aktiviti perjudian, arak dan maksiat;

Menjaga hak pekerja dan pelanggan.

KONSEP SYARIAH



Syariat Islam bersifat syumul, mudah dan sesuai diamalkan sepanjang masa serta tempat, dan kaedah fiqh membantu menyelesaikan persoalan yang timbul dalam kehidupan manusia.

Dalil (Surah al-Jathiyah, :18)
"Kemudian Kami jadikan engkau berada di atas satu syariat daripada urusan agama; maka ikutilah syariat itu..."

Contoh Situasi:
Hotel yang menyediakan restoran halal, ruang solat, arah kiblat, kemudahan wuduk dan peraturan pergaulan yang baik menunjukkan aplikasi syariah dalam pengurusan hospitaliti.

kata kunci:
Syariah → Patuh Hukum Allah → Halal & Haram → Hospitaliti Patuh Syariah

KONSEP AKHLAK

Akhlak ialah tingkah laku, sikap dan keperibadian yang baik berdasarkan ajaran Islam. Akhlak menjadikan seseorang bukan sahaja mengetahui hukum, tetapi mampu mengamalkannya dalam kehidupan.

Adab ialah sikap dan perilaku baik yang ditetapkan oleh Islam. Memuliakan tetamu merupakan salah satu tuntutan penting dalam Islam.

Dalil (Surah al-Qalam, :4)
"Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang agung."





Antara akhlak penting dalam bidang hospitaliti:

- amanah;
- jujur;
- sabar;
- bertanggungjawab;
- menghormati tetamu;
- menjaga tutur kata;
- menepati janji;
- bertolak ansur;
- menjaga privasi pelanggan.

Contoh Situasi:

Pelanggan membuat aduan kerana bilik belum siap. Pekerja tidak meninggikan suara atau menyalahkan pelanggan. Sebaliknya, dia meminta maaf, mendengar masalah dan memberikan penyelesaian dengan sopan.

Kata Kunci:
Hospitaliti Islam = Perkhidmatan yang baik + Akhlak yang baik.

IMPLIKASI CARA HIDUP ISLAM

IMPLIKASI KEPADA INDIVIDU

Cara hidup Islam membentuk individu yang:

- mempunyai keimanan;
- berdisiplin;
- menjaga kebersihan;
- jujur dan amanah;
- menjaga halal dan haram;
- mempunyai akhlak mulia;
- bertanggungjawab terhadap pekerjaan.

Contoh dalam hospitaliti:
Pekerja hotel yang memahami Islam akan menjaga amanah pelanggan, melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan tidak melakukan penipuan walaupun berpeluang berbuat demikian.





IMPLIKASI KEPADA KELUARGA

Islam membentuk keluarga yang berasaskan:

- kasih sayang;
- tanggungjawab;
- saling menghormati;
- pendidikan agama;
- penjagaan halal dan haram;
- kerjasama.

Contoh pelancongan:
Sebuah keluarga Muslim memilih destinasi yang mempunyai makanan halal, kemudahan solat dan aktiviti yang sesuai untuk semua anggota keluarga.

IMPLIKASI CARA HIDUP ISLAM

IMPLIKASI KEPADA MASYARAKAT

Cara hidup Islam melahirkan masyarakat yang:

- saling menghormati;
- menjaga hak orang lain;
- membantu golongan memerlukan;
- menghormati budaya masyarakat;
- menjaga keamanan;
- mengamalkan toleransi dalam perkara yang dibenarkan syarak.

Contoh:
Pelancong Muslim menghormati budaya masyarakat tempatan tetapi tetap menjaga batas aurat, makanan dan pergaulan.





IMPLIKASI KEPADA NEGARA

Cara hidup Islam menyumbang kepada pembentukan negara yang:

- aman;
- adil;
- berintegriti;
- mementingkan kebajikan rakyat;
- menjaga alam sekitar;
- mempunyai sistem ekonomi yang beretika.

Dalam sektor pelancongan, negara boleh membangunkan industri yang:

- mesra Muslim;
- mempunyai produk halal;
- menjaga alam sekitar;
- menyediakan kemudahan ibadah;
- menghormati kepelbagaian budaya;
- menjamin keselamatan pelancong.

SALAHFAHAM TERHDAP ISLAM

I. SEKULARISME

Sekularisme secara umum dikaitkan dengan pemisahan agama daripada kehidupan awam dan institusi tertentu. Dalam konteks pemahaman Islam, masalah timbul apabila agama dianggap hanya berkaitan ibadah peribadi sedangkan kehidupan sosial, ekonomi, pekerjaan dan pentadbiran dipisahkan daripada nilai agama.

Dalam hospitaliti, pendekatan yang memisahkan agama daripada pekerjaan boleh menyebabkan aspek seperti halal, aurat, adab, amanah dan ibadah dianggap tidak penting dalam pengurusan.

Contoh:
Menganggap bahawa pekerja hotel bebas mengabaikan hukum halal-haram atas alasan "tempat kerja bukan tempat beragama".

Prinsip Islam:
Islam melihat agama sebagai cara hidup yang menyeluruh, bukan hanya amalan ritual.

SALAHFAHAM TERHDAP ISLAM

2. PLURALISME

Pluralisme perlu difahami dengan berhati-hati. Menghormati penganut agama lain, hidup bersama secara aman dan menghormati hak mereka tidak sama dengan menganggap semua akidah adalah sama atau semua kepercayaan mempunyai kebenaran yang sama dari perspektif Islam.

Dalam bidang pelancongan, Islam mengajar umatnya supaya menghormati pelancong dan masyarakat daripada pelbagai latar belakang tanpa menggadaikan akidah.

Contoh:
Hotel boleh menerima tetamu daripada pelbagai agama dan menghormati keperluan mereka, tetapi penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan Muslim tetap perlu mematuhi keperluan syariah.

Prinsip Islam:
Islam mengiktiraf kewujudan kepelbagaian agama dan budaya dalam kehidupan manusia. Umat Islam dituntut untuk menghormati penganut agama lain, berlaku adil dan hidup secara aman, tanpa menggadaikan prinsip akidah Islam.

SALAHFAHAM TERHDAP ISLAM

3. LIBERALISME

Liberalisme secara umum menekankan kebebasan individu yang luas. Dalam perspektif Islam, kebebasan manusia bukan kebebasan tanpa batas, sebaliknya perlu dibimbing oleh wahyu, syariah dan akhlak.

Dalam hospitaliti, kebebasan pelanggan atau pekerja tidak boleh menjadi alasan untuk:

- melakukan maksiat;
- mengabaikan aurat;
- menyediakan aktiviti haram;
- menjual minuman keras;
- menyediakan perjudian;
- melakukan pergaulan yang bercanggah dengan syarak.

Dalam bidang pelancongan dan hospitaliti, kebebasan pelanggan dan pekerja perlu dihormati selagi tidak melanggar syariah. Oleh itu, pengusaha hotel bertanggungjawab memastikan kemudahan, makanan, minuman dan aktiviti yang disediakan tidak bercanggah dengan prinsip Islam.

Prinsip Islam:
Islam mengiktiraf kebebasan manusia dalam membuat pilihan dan menjalani kehidupan, namun kebebasan tersebut tidak bersifat mutlak. Setiap kebebasan perlu berpandukan wahyu, syariah dan akhlak serta tidak boleh membawa kepada kemudaratan atau pelanggaran hukum Allah SWT.

SALAHFAHAM TERHDAP ISLAM

4. FAHAMAN AJARAN SESAT

Ajaran sesat merujuk kepada ajaran atau kepercayaan yang menyeleweng daripada asas dan prinsip Islam yang sahih.

Antara tanda yang perlu diberi perhatian ialah:

- mengubah prinsip asas akidah;
- mendakwa menerima wahyu selepas Nabi Muhammad SAW;
- mentafsirkan al-Quran dan hadis secara bebas tanpa disiplin ilmu;
- menghalalkan perkara yang jelas haram;
- mengharamkan perkara yang jelas halal;
- mengangkat individu tertentu sehingga melampaui batas.

Dalam konteks pelancongan, pelajar perlu berhati-hati dengan dakwaan agama yang tersebar melalui media sosial, pakej "pelancongan Islam", program kerohanian atau kandungan digital yang menggunakan nama Islam tetapi tidak mempunyai asas ilmu yang sahih.

Prinsip penting
Semak sumber → Semak dalil → Rujuk pihak berautoriti → Jangan mudah percaya

Salah Faham Terhadap ISLAM

Kenali. Fahami.
Jangan Mudah Terpengaruh.

Salah faham terhadap Islam boleh menyesatkan diri, merosakkan akidah dan menjauhkan kita daripada jalan yang benar.

1 Sekularisme



Maksud Ringkas

Memisahkan agama daripada urusan kehidupan atau awam.

Salah Faham Terhadap Islam

Menganggap agama hanya untuk ibadah peribadi dan tidak mempunyai peranan dalam kehidupan, ekonomi, sosial atau pemerintahan.

Contoh Mudah

"Agama hanya di masjid. Bila bekerja atau berniaga, soal agama tidak perlu dibawa."

2 Pluralisme



Maksud Ringkas

Fahaman yang boleh membawa kepada anggapan bahawa semua agama mempunyai kebenaran yang sama dari sudut akidah.

Salah Faham Terhadap Islam

Menganggap semua kepercayaan adalah sama dari segi kebenaran agama, sehingga batas akidah Islam menjadi kabur.

Contoh Mudah

"Semua agama sama sahaja, jadi tidak penting agama apa yang seseorang anuti."

3 Liberalisme



Maksud Ringkas

Menekankan kebebasan individu dengan sangat luas, termasuk dalam pemikiran dan kehidupan beragama.

Salah Faham Terhadap Islam

Menganggap setiap individu bebas mentafsir ajaran Islam mengikut pendapat sendiri, walaupun bercanggah dengan prinsip dan sumber agama yang muktabar.

Contoh Mudah

"Saya bebas menentukan sendiri apa yang halal dan haram berdasarkan apa yang saya rasa betul."

4 Ajaran Sesat



Maksud Ringkas

Ajaran atau fahaman yang menyeleweng daripada akidah dan syariat Islam.

Salah Faham Terhadap Islam

Menganggap sesuatu ajaran itu benar hanya kerana menggunakan nama atau unsur Islam, walaupun bercanggah dengan al-Quran, al-Sunnah dan asas akidah.

Contoh Mudah

"Guru ini mendakwa dirinya mempunyai wahyu khas dan pengikutnya tidak perlu lagi mengikuti syariat tertentu."

Islam Itu Sempurna, Bukan Sekadar Pandangan Sendiri

Hindari salah faham, teguhkan ilmu, mantapkan akidah, agar kita sentiasa di jalan yang benar.

KESIMPULAN

Islam bukan sekadar agama yang diyakini, tetapi cara hidup yang membentuk manusia secara menyeluruh. Berteraskan akidah, syariah dan akhlak, Islam membimbing manusia dalam hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekeliling. Akidah membina keyakinan, syariah mengatur kehidupan dan akhlak menyempurnakan peribadi.

Solat pula menjadi nadi kehidupan seorang Muslim. Ia bukan hanya amalan ritual, bahkan menjadi latihan untuk membentuk disiplin, kepatuhan, kebersihan jiwa dan hubungan yang dekat dengan Allah SWT.

Penghayatan Islam yang sebenar turut memberi kesan yang luas. Individu yang beriman membina keluarga yang harmoni, keluarga yang kukuh membentuk masyarakat yang berakhlak, manakala masyarakat yang berintegriti menyumbang kepada negara yang aman dan sejahtera.

Dalam memahami Islam, umatnya juga perlu berwaspada terhadap salah faham dan fahaman yang bercanggah dengan prinsip Islam, termasuk sekularisme, pluralisme, liberalisme yang melampaui batas syarak serta ajaran sesat.

Kefahaman yang benar berasaskan al-Quran dan al-Sunnah amat penting agar seseorang Muslim tidak mudah terpengaruh dengan pemikiran atau amalan yang memesongkan akidah dan syariah.

CHECKPOINT ILMU

"Berhenti seketika. Uji kefahaman, kukuhkan penguasaan dan teruskan perjalanan mencari ilmu anda."



KLIK SINI



KLIK SINI



KLIK SINI





KLIK SINI



KLIK SINI

PELANCONGAN & HOSPITALITI DALAM ISLAM

Scan QR Code ini untuk tonton Video

KLIK SINI

HASIL PEMBELAJARAN

Diakhir topik pelajar akan dapat:

1. Menerangkan konsep pelancongan dalam Islam
2. Menerangkan konsep hospitaliti dalam Islam

PELANCONGAN DALAM ISLAM

PELANCONGAN SEBAGAI IBADAH

Dalam Islam, aktiviti pelancongan bukan sekadar untuk berseronok atau berehat. Perjalanan boleh menjadi ibadah apabila dilakukan dengan niat yang baik dan tidak bercanggah dengan syariat. Antaranya ialah perjalanan untuk menuntut ilmu, melihat kebesaran Allah SWT, mengeratkan silaturahim, mendapatkan pengalaman dan berehat daripada rutin kehidupan.

Pelancongan juga dapat meningkatkan kesedaran manusia terhadap kebesaran Allah SWT melalui pemerhatian terhadap alam, budaya dan ciptaan-Nya. Oleh itu, perjalanan perlu disertai dengan penjagaan solat, akhlak, aurat, makanan halal dan hubungan sesama manusia.

Contoh:
Pelancong Muslim yang bercuti di Cameron Highlands bukan sahaja menikmati keindahan alam, tetapi mengambil masa bersolat, menjaga kebersihan kawasan, mengelakkan pembaziran makanan dan menghayati kebesaran Allah melalui ciptaan-Nya.

Dalil (Surah al-Rum, :42)
"Katakanlah: Berjalanlah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu."



KATA KUNCI:
NIAT YANG BAIK + PATUH SYARIAH + MENJAGA IBADAH + BERAKHLAK = PELANCONGAN SEBAGAI IBADAH.

PELANCONGAN DALAM ISLAM

PELANCONGAN SEBAGAI IBADAH

Apa maksud pelancongan dalam Islam?

Islam menggunakan beberapa istilah berkaitan aktiviti perjalanan dan pengembaraan:

Musafir
Perjalanan atau pengembaraan dari suatu tempat ke tempat yang lain.

Ziarah
Lawatan atau kunjungan ke rumah seseorang atau sesuatu tempat.

Rehlah
Perjalanan meninggalkan tempat tinggal menuju ke tempat lain dengan tujuan tertentu.

Siyahah
Pengembaraan atau perjalanan di muka bumi.

Haji dan Umrah
Perjalanan ke Tanah Suci bagi melaksanakan ibadah yang ditetapkan oleh syarak.

Mengapa melancong boleh menjadi ibadah?

Pelancongan boleh bernilai ibadah apabila:

Niat kerana Allah SWT
Melancong dengan tujuan yang baik dan tidak bercanggah dengan syarak.

Menambah keimanan
Menghayati keindahan alam dan kebesaran ciptaan Allah SWT.

Menuntut ilmu
Memperoleh pengalaman, pengetahuan dan pengajaran daripada tempat yang dilawati.

Mengeratkan silaturahim
Melawat keluarga, sahabat dan masyarakat serta membina hubungan yang baik.

Menjaga ibadah
Solat, doa dan kewajipan agama tetap dilaksanakan walaupun sedang bermusafir.

Mengambil pengajaran daripada alam
Melihat kepelbagaian ciptaan Allah SWT sebagai tanda kebesaran-Nya

Kata Kunci:
Niat yang baik + patuh syariah + menjaga ibadah + berakhlak = pelancongan sebagai ibadah.

PELANCONGAN DALAM ISLAM

PELANCONGAN SEBAGAI IBADAH

Kategori Melancong Dalam Islam

Hukum melancong boleh dihuraikan berdasarkan lima hukum syarak berikut:

1. Wajib
Melancong menjadi wajib apabila perjalanan tersebut bertujuan melaksanakan kewajipan yang dituntut oleh syarak.

Contoh:
Melakukan perjalanan ke Makkah untuk menunaikan haji, apabila seseorang telah memenuhi syarat wajib haji dan berkemampuan.

2. Sunat
Melancong adalah sunat apabila bertujuan mendapatkan manfaat yang baik seperti menuntut ilmu, mengeratkan silaturahim atau melihat kebesaran ciptaan Allah SWT.

Contoh:
Pelajar mengikuti lawatan pendidikan ke destinasi bersejarah seperti Melaka untuk mempelajari sejarah dan warisan Islam.

Kata Kunci:
Hukum melancong bergantung kepada tujuan, cara dan aktiviti yang dilakukan sepanjang perjalanan.

3. Harus
Melancong adalah harus apabila dilakukan untuk tujuan yang dibenarkan syarak dan tidak mengandungi unsur maksiat atau perkara haram.

Contoh:
Sebuah keluarga bercuti di hotel mesra Muslim, menikmati makanan halal, berehat dan melakukan aktiviti rekreasi yang dibenarkan.

4. Makruh
Melancong menjadi makruh apabila perjalanan tersebut tidak memberikan manfaat yang jelas atau menyebabkan seseorang mengabaikan perkara yang lebih utama, tanpa sampai melakukan perkara haram.

Contoh:
Melancong secara berlebihan sehingga membazir masa dan wang sedangkan terdapat tanggungjawab keluarga atau pekerjaan yang perlu diselesaikan.

5. Haram
Melancong adalah haram apabila tujuan atau aktiviti sepanjang perjalanan melibatkan perkara yang dilarang oleh syarak.

Contoh:
Melancong ke destinasi semata-mata untuk berjudi, menghadiri aktiviti maksiat atau menggunakan kemudahan hotel untuk melakukan perkara yang diharamkan.

PELANCONGAN DALAM ISLAM

ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB DALAM PELANCONGAN

Etika pelancongan Islam menekankan hubungan manusia dengan Allah SWT, manusia dan alam sekitar. Pelancong bukan sahaja perlu menikmati perjalanan, malah bertanggungjawab menjaga tingkah laku dan mematuhi batas yang ditetapkan oleh syarak.





Etika terhadap Allah SWT

- Memulakan perjalanan dengan niat yang baik.
- Bersyukur atas nikmat perjalanan dan keselamatan.
- Tidak meninggalkan solat walaupun sedang melancong.
- Memanfaatkan perjalanan untuk meningkatkan keimanan.

Etika terhadap manusia

- Berpakaian sopan dan menutup aurat.
- Menjaga tutur kata dan menghormati masyarakat setempat.
- Mengelakkan pergaulan bebas dan khalwat.
- Menghormati hak dan privasi pelanggan.
- Menepati masa dan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah.



PELANCONGAN DALAM ISLAM

ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB DALAM PELANCONGAN



Etika terhadap alam sekitar

- Tidak membuang sampah merata-rata.
- Tidak merosakkan tumbuhan dan hidupan liar.
- Menggunakan air dan tenaga secara berhemah.
- Menjaga kebersihan tempat pelancongan.

Contoh dalam hospitaliti:

Petugas hotel perlu menjaga aurat ketika bekerja, berkomunikasi secara profesional dengan pelanggan, merahsiakan maklumat pelanggan dan memastikan bilik penginapan sentiasa bersih serta selamat.

Dalil (Surah al-A'raf, 56)

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di bumi sesudah Allah memperbaikinya."

PENGAJARAN:

PELANCONGAN ISLAM BUKAN HANYA TENTANG TEMPAT YANG DIKUNJUNGI, TETAPI BAGAIMANA SESEORANG BERKELAKUAN SEPANJANG PERJALANAN.

PELANCONGAN DALAM ISLAM

PELANCONGAN MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Islam menggalakkan manusia berjalan di muka bumi untuk mengambil pengajaran, memperoleh ilmu, melihat kebesaran Allah SWT dan memahami kehidupan manusia terdahulu. Dalam bahan kursus, konsep perjalanan turut dikaitkan dengan istilah seperti musafir, ziarah, rehlah dan siyahah.





Pelancongan menurut Islam tidak terhad kepada hiburan. Perjalanan boleh menjadi medium untuk:

- mengenali kebesaran Allah SWT;
- menambah ilmu dan pengalaman;
- mengeratkan hubungan sesama manusia;
- menghargai kepelbagaian budaya dan masyarakat;
- mengambil iktibar daripada sejarah;
- merehatkan tubuh dan minda dalam batas syarak.

Dalil (Surah al-An'am, 11)
"Maka berjalanlah kamu di muka bumi dan lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan."

Contoh:
Lawatan ke tempat bersejarah seperti Melaka boleh digunakan untuk mempelajari sejarah, mengenali warisan masyarakat dan pada masa yang sama mensyukuri nikmat keamanan serta kepelbagaian budaya.

Kata Kunci:
Lihat → Fikir → Hayati → Syukuri → Lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT

PELANCONGAN DALAM ISLAM

ISU-ISU DALAM PELANCONGAN ISLAM

Perkembangan industri pelancongan boleh menimbulkan beberapa isu sekiranya tidak diurus berdasarkan prinsip Islam. Antara isu utama:

1. Pelancongan tanpa tujuan yang baik
Perjalanan hanya berorientasikan hiburan sehingga mengabaikan nilai agama dan akhlak.

2. Mengabaikan ibadah
Pelancong meninggalkan solat atau tidak menyediakan masa dan kemudahan untuk melaksanakan ibadah.

3. Pergaulan tanpa batas
Interaksi lelaki dan wanita berlaku tanpa menjaga aurat, pandangan dan batas pergaulan.

4. Makanan dan minuman tidak halal
Pengusaha perlu memastikan makanan halal, tidak tercemar dengan bahan haram dan tidak berlaku pencampuran antara makanan halal dengan haram.

5. Penginapan tidak patuh syariah
Kemudahan penginapan perlu mengambil kira aspek keselamatan, kebersihan, privasi dan keperluan ibadah.

6. Pencemaran dan kerosakan alam sekitar
Aktiviti pelancongan yang tidak terkawal boleh menghasilkan sampah, pencemaran dan kerosakan kawasan semula jadi.

7. Pelancong tidak bertanggungjawab
Contohnya merosakkan kemudahan awam, membuang sampah dan tidak menghormati budaya masyarakat setempat.

Contoh:
Pelancong membuang bekas makanan di kawasan air terjun selepas berkelah. Perbuatan tersebut bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, tetapi bertentangan dengan prinsip menjaga kebersihan dan mengelakkan kemudaratan.

HOSPITALITI DALAM ISLAM

PENGURUSAN RUMAH PENGINAPAN



Hospitaliti Islam menekankan penyediaan penginapan yang selamat, bersih, berkualiti dan mematuhi tuntutan syarak. Pengurusan penginapan bukan hanya berkaitan menyediakan bilik, tetapi turut melibatkan keselesaan, keselamatan, kebersihan serta keperluan ibadah pelanggan.



Elemen penting penginapan Islam:

- bilik yang bersih dan selesa;
- tandas yang bersih;
- kemudahan berwuduk;
- ruang solat atau kemudahan untuk bersolat;
- penyediaan arah kiblat;
- makanan dan minuman yang halal;
- pengurusan pelanggan secara sopan dan amanah;
- aspek keselamatan pelanggan diberi perhatian.

Contoh:

Sebuah hotel menyediakan sejadah, penunjuk arah kiblat, ruang solat, kemudahan wuduk dan restoran yang mempunyai pensijilan halal.

Nilai Islam:

Bersih + Selamat + Selesa + Halal + Patuh Syariah

HOSPITALITI DALAM ISLAM

HALALAN TOYYIBAN DALAM PEMAKANAN

Halalan toyyiban bermaksud makanan yang bukan sahaja halal dari segi hukum, tetapi juga baik, bersih, berkualiti, selamat dan tidak memudaratkan pengguna.

Dalam hospitaliti, prinsip ini perlu dijaga dari peringkat:

- pemilihan bahan
- penyimpanan
- penyediaan
- memasak
- penghidangan.





Aspek yang perlu diberi perhatian:

- bahan mentah mestilah halal;
- peralatan tidak tercemar dengan bahan haram;
- makanan halal tidak bercampur dengan makanan haram;
- kawasan penyediaan makanan bersih;
- bahan kimia yang boleh memudaratkan perlu dielakkan;
- penyimpanan makanan perlu mengikut standard kebersihan;
- pensijilan/logo halal yang diiktiraf perlu diberi perhatian.

Contoh:

Sebuah restoran hotel menyimpan daging halal secara berasingan daripada bahan yang tidak halal serta memastikan peralatan memasak tidak tercemar.

Dalil (Surah al-Baqarah :168)

"Wahai manusia! Makanlah daripada apa yang terdapat di bumi yang halal lagi baik..."

Kata Kunci:

Halal dari segi hukum + Toyyib dari segi kualiti = makanan yang diyakini

HOSPITALITI DALAM ISLAM

SEMBELIHAN MENGIKUM HUKUM SYARAK

Sembelihan dalam Islam ialah proses penyembelihan haiwan yang dilakukan mengikut ketetapan syarak bagi memastikan daging tersebut halal dimakan.

Penyembelih

- Seorang Muslim;
- Mengetahui cara sembelihan yang betul;
- Menyebut nama Allah SWT ketika melakukan sembelihan.

Kaedah Sembelihan

- Menggunakan alat yang sesuai dan tajam;
- Penyembelihan dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan syarak;
- Memastikan darah mengalir dengan sempurna.

- **Halal bukan sekadar pada makanan, tetapi bermula daripada sumber, penyembelih dan cara penyediaannya.**

Haiwan

- Haiwan yang halal dimakan;
- Masih hidup ketika disembelih;
- Memenuhi syarat yang ditetapkan syarak.

Dalam hospitaliti

- Pengusaha restoran dan hotel perlu memastikan sumber daging diperoleh daripada pembekal yang diyakini halal.

Contoh:

- Chef hotel tidak membeli ayam daripada pembekal yang tidak diketahui status halalnya kerana sumber bahan mentah merupakan sebahagian daripada tanggungjawab menjaga kehalalan makanan.

Kata Kunci:
SUMBER HALAL + PROSES SYARAK + AMANAH = HOSPITALITI ISLAM

HOSPITALITI DALAM ISLAM

ADAB DALAM PERKHIDMATAN PELANGGAN

Islam memberi perhatian kepada cara manusia melayan orang lain. Dalam hospitaliti, layanan pelanggan perlu berasaskan akhlak, amanah, kesopanan dan ihsan.



Adab Petugas Hospitaliti

- Memberi salam dan senyuman;
- bercakap dengan sopan;
- menghormati pelanggan;
- menjaga penampilan dan kebersihan diri;
- bersabar menghadapi pelanggan;
- memberi maklumat yang benar;
- menjaga kerahsiaan pelanggan;
- tidak mengambil atau menggunakan harta pelanggan atau majikan tanpa izin;
- melaksanakan tugas dengan amanah.

Contoh:

Pelanggan mengadu kerana bilik yang ditempah belum siap. Petugas tidak membalas dengan nada kasar, sebaliknya memohon maaf, menerangkan keadaan dengan jujur dan menawarkan penyelesaian.

Dalil (Surah al-Nisa' :58)

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya..."

Formula layanan:

Senyum → Salam → Sopan → Jujur → Sabar → Amanah

KESIMPULAN

Konsep pelancongan dan hospitaliti dalam Islam bukan sekadar melancong, berehat dan memberi layanan kepada tetamu, tetapi merupakan satu bentuk kehidupan yang perlu dipandu oleh syariah, akhlak dan nilai Islam.

Setiap perjalanan dan perkhidmatan hendaklah mengambil kira aspek halal, kebersihan, keselamatan, ibadah, kemaslahatan dan tanggungjawab.

Apabila prinsip Islam diterapkan dalam pengurusan destinasi, penginapan, makanan dan layanan kepada tetamu, pelancongan dan hospitaliti bukan sahaja memberikan pengalaman yang selesa dan bermakna, malah mampu menjadi satu bentuk ibadah yang membawa kebaikan dan keberkatan kepada manusia.

"Melancong dengan tujuan, melayani dengan akhlak, mengurus dengan amanah dan semuanya kerana Allah SWT."

CHECKPOINT ILMU

"Berhenti seketika. Uji kefahaman, kukuhkan penguasaan dan teruskan perjalanan ilmu anda."



KLIK SINI

KLIK SINI

KEBERSIHAN & NILAI ESTETIKA

Scan QR Code ini untuk tonton Video

KLIK SINI

HASIL PEMBELAJARAN

Diakhir topik pelajar akan dapat:

1. Memahami konsep kebersihan dalam Islam
2. Menerangkan nilai estetika dalam Islam
3. Menganaslis aplikasi kebersihan dan nilai estetika dalam pelancongan dan hospitaliti.

KEBERSIHAN MENURUT ISLAM

DEFINISI KEBERSIHAN

Kebersihan dalam Islam mempunyai skop yang luas. Ia bukan sahaja kebersihan fizikal, tetapi turut merangkumi kebersihan pakaian, tubuh badan, tempat, makanan dan aspek spiritual.

Antara **istilah yang dikaitkan dengan kebersihan** dalam Islam ialah:

- Tazkiyah – penyucian;
- Taharah/Thaharah – bersuci;
- Nazafah – kebersihan;
- Fitrah – amalan kebersihan yang sesuai dengan fitrah manusia.

Islam menekankan kebersihan kerana manusia perlu berada dalam keadaan bersih untuk melaksanakan ibadah dan menjalani kehidupan yang baik.

Contoh dalam hospitaliti:
Petugas hotel perlu memastikan pakaian seragam bersih, badan tidak berbau, tangan dicuci dan kawasan kerja sentiasa kemas.

Dalil (Surah al-Baqarah :222)
"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang menyucikan diri."



KEBERSIHAN MENURUT ISLAM

JENIS NAJIS DAN CARA MEMBERSIHKANNYA



Najis Mukhaffafah

Najis ringan. Contohnya air kencing bayi lelaki berumur kurang daripada dua tahun yang hanya minum susu ibu.

Cara menyucikan:

Memadai dengan merenjis atau mengalirkan air mutlak pada tempat yang terkena najis mengikut ketetapan syarak.

Najis Mutawassitah

Najis sederhana, iaitu selain daripada mughallazah dan mukhaffafah.

Contoh:

darah; nanah; muntah; najis manusia; air kencing.

Cara menyucikan:

Hilangkan ain najis dan basuh dengan air mutlak sehingga bersih.





Najis Mughallazah

Najis berat seperti anjing, khinzir dan perkara yang berkaitan dengannya.

Cara menyucikan:

Dibasuh tujuh kali, salah satunya dengan air bercampur tanah.

Contoh hospitaliti:

Sekiranya sesuatu peralatan atau kawasan terkena najis mughallazah, proses penyucian perlu dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan sebelum digunakan semula.

KEBERSIHAN MENURUT ISLAM

TANGGUNGJAWAB MENJAGA KEBERSIHAN

Kebersihan merupakan tanggungjawab setiap individu dan perlu diamalkan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kebersihan Diri

- Menjaga kebersihan badan;
- Pakaian bersih dan kemas;
- Menjaga kebersihan rambut, kuku dan mulut;
- Menjaga kebersihan selepas menggunakan tandas.

Kebersihan kediaman/ penginapan

- Membersihkan bilik dan tandas;
- Memastikan cadar dan tuala bersih;
- Mengurus sampah dengan baik;
- Memastikan ruang sentiasa kemas.

Kebersihan Makanan

- Memastikan makanan halal dan bersih;
- Menggunakan peralatan yang bersih;
- Menyimpan makanan dengan betul;
- Mengelakkan pencemaran silang.

Kebersihan Alam Sekitar

- Tidak membuang sampah;
- Menjaga sungai, pantai dan hutan;
- Tidak merosakkan tumbuhan;
- Menggunakan sumber secara berhemah.

Contoh:

Pengusaha chalet menyediakan tong sampah yang mencukupi, membersihkan bilik setiap hari dan memastikan kawasan sekitar bebas daripada sampah.

ESTETIKA DALAM ISLAM

DEFINISI ESTETIKA

Estetika berkaitan dengan keindahan, kecantikan dan nilai sesuatu yang dapat dihargai oleh manusia.

Dalam Islam, keindahan bukan sekadar apa yang kelihatan cantik pada pandangan mata. Estetika Islam perlu selari dengan tauhid, akhlak dan syariah. Keindahan sepatutnya membawa manusia kepada nilai yang baik dan tidak melanggar batas agama.

Contoh:
Hotel yang mempunyai reka bentuk yang cantik bukan sahaja perlu menarik pada pandangan, tetapi juga bersih, teratur, tidak berlebihan dan menyediakan suasana yang sesuai untuk pelanggan Muslim.

Formula estetika Islam:
Indah + Tertib + Bersih + Beradab + Patuh Syariah





ESTETIKA DALAM ISLAM

NILAI TERTIB DAN INDAH

Pakaian

Islam membenarkan manusia berhias dan memakai pakaian yang baik, tetapi tetap perlu menjaga aurat, kesopanan dan batas syariah. Dalam bidang hospitaliti, pakaian pekerja perlu kemas, bersih, profesional dan sesuai dengan tugas.

Contoh:

Petugas hotel memakai uniform yang bersih, kemas, menutup aurat dan tidak mencolok mata.

Tempat

Tempat penginapan dan kawasan pelancongan perlu mempunyai suasana yang bersih; tersusn; selamat; nyaman; menarik dan tidak merosakkan alam sekitar.

Keindahan alam pula sepatutnya menjadi ruang untuk manusia melihat dan menghayati kebesaran Allah SWT.

Contoh:

Hotel menyediakan taman yang bersih dan teratur, manakala kawasan eko-pelancongan dikekalkan dalam keadaan semula jadi tanpa pencemaran.

Tingkahlaku

Keindahan akhlak dapat dilihat melalui:

- tutur kata yang sopan;
- senyuman dan keramahan;
- menghormati pelanggan;
- tidak meninggikan suara;
- sabar ketika menghadapi masalah;
- menjaga amanah.

Dalam hospitaliti, tingkah laku petugas merupakan sebahagian daripada imej organisasi.

Contoh:

Penyambut tetamu menyambut pelanggan dengan senyuman, salam dan bahasa yang sopan.

APLIKASI KEBERSIHAN DAN NILAI ESTETIKA

PENGURUSAN DIRI

Pengurusan diri merupakan asas kepada penampilan seorang pekerja dalam industri pelancongan dan hospitaliti.

Contoh:
Seorang receptionist hadir bekerja dengan uniform yang bersih, rambut terurus, penampilan sopan dan bersedia memberikan layanan profesional kepada pelanggan.

Nilai yang dibentuk:
Bersih → Kemas → Sopan → Profesional





Amalan yang perlu diberi perhatian:

- Badan bersih dan segar;
- Pakaian kemas dan bersih;
- Rambut dan kuku terurus;
- Menjaga kebersihan mulut;
- Menggunakan penampilan yang sesuai dengan tempat kerja;
- Mempunyai tingkah laku sopan;
- Menjaga aurat;
- Mengamalkan disiplin dan amanah.

APLIKASI KEBERSIHAN DAN NILAI ESTETIKA

TEMPAT DAN KEDIAMAN

Tempat penginapan perlu memberikan pengalaman yang selesa, bersih dan selamat kepada pelanggan. Dalam perspektif Islam, kebersihan tempat turut mempengaruhi keselesaan dan kesempurnaan pengurusan hospitaliti.

Contoh:

Sebuah hotel menyediakan bilik yang bersih, sejadah, penunjuk kiblat dan ruang solat supaya pelanggan Muslim dapat menjalankan ibadah dengan selesa.

Prinsip:

Tempat yang bersih melahirkan keselesaan dan imej hospitaliti yang baik.





Aplikasi:

- Bilik sentiasa bersih;
- Cadar dan tuala ditukar secara berkala;
- Tandas dibersihkan;
- Kawasan lobi tersusun;
- Tempat solat disediakan;
- Kemudahan berwuduk bersih;
- Arah kiblat disediakan;
- Sampah diurus dengan baik;
- Kawasan luar tidak tercemar.

APLIKASI KEBERSIHAN DAN NILAI ESTETIKA

MAKANAN DAN MINUMAN

Makanan dan minuman merupakan aspek penting dalam hospitaliti kerana ia berkait secara langsung dengan halalan toyyiban, kebersihan, keselamatan dan kualiti.

Contoh:

Restoran hotel mengasingkan peralatan penyediaan makanan, menyimpan bahan mentah secara sistematik dan memastikan setiap hidangan yang disediakan mematuhi prinsip halal dan bersih.

Dalil (Surah al-Ma'idah :88)

"Makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu yang halal lagi baik..."





Amalan yang perlu dilakukan:

- Menggunakan bahan mentah yang halal;
- Memastikan bahan disimpan dengan betul;
- Menggunakan peralatan bersih;
- Mengelakkan pencemaran silang;
- Memastikan makanan dimasak dengan sempurna;
- Menjaga kebersihan pekerja;
- Menyediakan makanan dalam keadaan bersih;
- Memastikan kawasan dapur dan ruang makan sentiasa kemas;
- Mendapatkan pensijilan halal yang diiktiraf apabila berkaitan.

KESIMPULAN

Kebersihan dan nilai estetika merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam yang mencerminkan keimanan, akhlak dan profesionalisme dalam pelancongan dan hospitaliti.

Kebersihan memastikan persekitaran sihat, selamat dan selesa, manakala nilai estetika menjadikan sesuatu tempat indah, teratur dan menyenangkan.

Oleh itu, pengurusan hotel, restoran, tempat pelancongan dan kemudahan awam perlu mengutamakan kebersihan serta keindahan tanpa mengabaikan prinsip syariah.

Tempat yang bersih menenangkan, tempat yang indah menyenangkan, dan pengurusan yang berteraskan Islam memberi keberkatan.

CHECKPOINT ILMU

"Berhenti seketika. Uji kefahaman, kukuhkan penguasaan dan teruskan perjalanan ilmu anda."

KLIK SINI

KLIK SINI



KLIK SINI

PRINSIP SYARIAH & KAEDAH FIQH



Scan QR Code ini
untuk tonton Video

KLIK SINI

HASIL PEMBELAJARAN

Diakhir topik pelajar akan dapat:

1. Memahami konsep kaedah fiqh dalam pelancongan dan hospitaliti
2. Menerangkan aplikasi kaedah fiqh dalam pelancongan dan hospitaliti

PENGENALAN

Pelancongan dan hospitaliti merupakan bidang yang melibatkan pelbagai aktiviti manusia seperti perjalanan, penginapan, makanan dan minuman, pengurusan pelanggan, perniagaan, hiburan serta pengurusan alam sekitar. Oleh itu, setiap aktiviti perlu dilaksanakan berdasarkan prinsip syariah supaya kemajuan industri tidak mengabaikan tuntutan agama.

Syariah Islam bersifat syumul, mudah dan sesuai diamalkan sepanjang masa dan tempat. Dalam menghadapi pelbagai persoalan baharu, kaedah fiqh menjadi salah satu pendekatan penting untuk memahami dan menentukan hukum berdasarkan prinsip syarak.

Prinsip utama:
Syariah → Kaedah Fiqh → Hukum → Amalan → Kemaslahatan



PENGERTIAN SYARIAH ISLAM

Syariah ialah ketetapan, peraturan dan hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia. Syariah meliputi hubungan manusia dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam sekitar.



Dalam kehidupan seharian, syariah membimbing manusia dalam menentukan perkara yang:

- wajib dilakukan;
- sunat dilakukan;
- harus dilakukan;
- makruh ditinggalkan;
- haram dilakukan.

Dalam bidang pelancongan dan hospitaliti, prinsip syariah menjadi panduan dalam mengurus hotel, restoran, agensi pelancongan, aktiviti rekreasi dan perkhidmatan pelanggan.

Contoh:

Penyedia hotel menyediakan kemudahan solat, makanan halal dan persekitaran yang bersih supaya keperluan fizikal dan agama pelanggan dapat dipenuhi.

PRINSIP SYARIAH DALAM PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Memastikan Halal dan Haram

Makanan, minuman, sumber kewangan, perkhidmatan dan aktiviti yang ditawarkan hendaklah mematuhi hukum syarak.

Contoh:

Restoran hotel menggunakan bahan mentah yang halal, mengelakkan pencampuran makanan halal dengan bahan haram dan memastikan kebersihan peralatan.

Menjaga Kebersihan

Kebersihan diri, tempat, makanan dan alam sekitar perlu diberikan perhatian kerana ia berkait dengan tuntutan syarak.

Menjaga Keselamatan

Pelanggan dan pekerja tidak boleh didedahkan kepada bahaya atau risiko yang tidak munasabah.

Contoh:

Hotel memastikan lif, tangga, kolam renang dan laluan kecemasan berada dalam keadaan selamat.

Menjaga Maruah dan Kehormatan

Perkhidmatan serta kemudahan hendaklah menjaga aurat, privasi dan batas pergaulan.

Contoh:

Kemudahan spa dan pusat rekreasi mempunyai pengurusan yang menjaga batas pergaulan lelaki dan wanita.

PRINSIP SYARIAH DALAM PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Menjaga Amanah dan Kejujuran

Pekerja perlu menjaga harta, maklumat dan hak pelanggan.

Contoh:

Pekerja housekeeping yang menemui wang atau barang berharga milik pelanggan tidak boleh mengambilnya untuk kegunaan sendiri.

Mencapai Kemaslahatan

Aktiviti industri perlu memberikan manfaat kepada manusia dan mengelakkan kerosakan.

Syariah bukan sekadar menentukan halal dan haram, tetapi menjadi panduan agar aktiviti kehidupan dapat dilaksanakan dengan adil, selamat, beretika dan membawa kebaikan.

Dalil (Surah al-Jathiyah : 18)

"Kemudian Kami jadikan engkau berada di atas satu syariat daripada urusan agama; maka ikutilah syariat itu..."



PENGERTIAN KAEDAH FIQH

Maksud Fiqh

Dari sudut bahasa, fiqh bermaksud memahami dan mengetahui sesuatu dengan mendalam.

Dari sudut istilah, fiqh merujuk kepada ilmu tentang hukum-hukum syarak yang berbentuk amalan dan diperoleh berdasarkan dalil-dalil yang terperinci daripada al-Quran, al-Sunnah dan sumber-sumber syarak yang berkaitan.

Contoh fiqh:


- hukum solat ketika bermusafir;
- hukum makanan halal;
- hukum jual beli;
- hukum menggunakan sesuatu yang najis;
- hukum berkaitan penginapan dan perkhidmatan.

Maksud Kaedah Fiqh

Perkataan kaedah bermaksud asas, dasar atau tapak sesuatu perkara. Perkataan Arab qawaid pula merujuk kepada himpunan kaedah atau prinsip asas.

Al-Quran menggunakan perkataan yang berkaitan dengan qawaid dalam konteks asas atau binaan, sebagaimana kisah Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS meninggikan asas binaan Kaabah.

Dari sudut istilah, kaedah fiqh ialah prinsip umum yang merangkumi banyak persoalan cabang dan boleh digunakan untuk memahami hukum bagi pelbagai situasi yang mempunyai persamaan.



PENGERTIAN KAEDAH FIQH

Antara definisi kaedah fiqh yang diberikan oleh sarjana Islam:

Al-Jurjani
Kaedah fiqh ialah persoalan umum yang boleh diaplikasikan kepada pelbagai cabang.

Ibn al-Subki
Kaedah fiqh merupakan sesuatu yang bersifat umum dan boleh diaplikasikan kepada banyak masalah cabang sehingga hukum dapat difahami daripadanya.

Dr Mahmud Ismail
Kaedah fiqh ialah hukum fiqh yang berbentuk umum yang dapat digunakan untuk mengetahui hukum bagi persoalan cabang daripada pelbagai bab.

Al-Hamawi
Kaedah fiqh ialah hukum yang bersifat umum dan boleh diaplikasikan kepada kebanyakan persoalan cabang.

Kesimpulannya,
Fiqh merujuk hukum bagi sesuatu amalan.
Kaedah fiqh pula merujuk prinsip besar yang membantu kita memahami hukum bagi banyak situasi.

Contoh Situasi:
Hotel sudah mempunyai sijil halal yang sah, tetapi terdapat pelanggan yang meragui makanan tersebut tanpa bukti.

Kaedah: اليقين لا يزول بالشك
Maksud: Keyakinan tidak hilang hanya kerana keraguan.

Maka, sesuatu yang telah diyakini berdasarkan bukti tidak boleh dihukum berubah hanya kerana andaian atau syak semata-mata.

KEPENTINGAN KAEDAH FIQH

Kaedah fiqh dapat membantu seseorang:

Memahami prinsip hukum
Tidak perlu melihat setiap masalah sebagai kes yang berasingan kerana beberapa masalah boleh berada di bawah satu prinsip yang sama.

Menyelesaikan persoalan baharu
Apabila muncul bentuk perkhidmatan atau teknologi baharu, prinsip umum kaedah fiqh boleh membantu memahami isu tersebut.

Menghubungkan hukum dengan kehidupan sebenar
Prinsip fiqh boleh digunakan dalam situasi harian seperti perjalanan, penginapan, makanan, perniagaan dan keselamatan.

Memudahkan pembelajaran fiqh
Daripada menghafal terlalu banyak hukum secara berasingan, pelajar dapat memahami beberapa prinsip umum yang merangkumi banyak persoalan.



SUMBER KAEDAH FIQH

Kaedah fiqh terbina berdasarkan sumber syarak dan penelitian para fuqaha terhadap nas serta hukum.

Al-Quran
Al-Quran merupakan sumber hukum utama yang menjadi panduan dalam memahami prinsip syariah.

Al-Sunnah
Hadis Rasulullah SAW mengandungi banyak prinsip yang mempunyai makna luas dan boleh menjadi asas kepada pembentukan kaedah fiqh.

Athar Sahabat
Pendapat dan amalan para sahabat serta generasi selepas mereka turut menjadi sumber penting dalam memahami prinsip syariah.

Ijtihad Fuqaha
Para fuqaha menggunakan kemampuan ilmu dan penelitian untuk mengeluarkan kaedah daripada sumber-sumber syarak.



PERANAN KAEDAH FIQH

Memberikan gambaran umum tentang hukum fiqh

Kaedah fiqh membantu pelajar memahami gambaran besar ilmu fiqh tanpa perlu mempelajari setiap persoalan secara berasingan.

Contoh:

Pelbagai persoalan berkaitan perjalanan, penginapan dan perkhidmatan boleh difahami melalui beberapa prinsip fiqh yang utama.

Membimbing urusan supaya mencapai Maqasid Syariah

Kaedah fiqh membantu memastikan sesuatu keputusan tidak sekadar mengejar keuntungan, tetapi mengambil kira kemaslahatan manusia serta tidak bercanggah dengan syariah.

Contoh:

Sebuah hotel bukan hanya memikirkan keuntungan bilik, tetapi turut menyediakan ruang solat, makanan halal, kebersihan dan keselamatan.

Memudahkan pemahaman hukum

Kaedah fiqh menjadi pendekatan untuk memahami hukum dalam pelbagai bidang termasuk ibadah, muamalat dan pengurusan hospitaliti.

Contoh:

Musafir menghadapi kesukaran tertentu dalam perjalanan. Prinsip "Kesukaran membawa kepada kemudahan" membantu memahami rukhsah seperti jamak dan qasar.

Mengekalkan keseimbangan dunia dan akhirat

Aktiviti pelancongan dan hospitaliti perlu memberi manfaat dari sudut ekonomi dan sosial tanpa mengabaikan tuntutan agama.

Contoh:

Syarikat pelancongan mendapat keuntungan melalui pakej percutian halal sambil menyediakan pengalaman yang memelihara ibadah dan akhlak pelanggan.

PERANAN KAEDAH FIQH

Membantu menangani isu semasa

Industri sentiasa berubah. Kaedah fiqh membantu memahami persoalan baharu yang tidak wujud pada zaman terdahulu.

Contoh semasa:

- Tempahan hotel melalui aplikasi;
- Pembayaran digital;
- Pakej pelancongan Muslim;
- Pemasaran hotel melalui media sosial;
- Makanan yang ditempah secara dalam talian;
- Penggunaan teknologi digital dalam perkhidmatan pelanggan.

Menunjukkan keluasan dan kesesuaian syariat

Syariat Islam dapat diamalkan dalam pelbagai keadaan dan tempat kerana mempunyai prinsip yang luas serta mampu menangani perubahan kehidupan manusia.



PEMBAHAGIAN KAEDAH FIQH

Kaedah Fiqh al-Sughra

Kaedah yang mempunyai skop aplikasi lebih kecil dan biasanya berkaitan dengan bidang atau persoalan tertentu.

Kaedah Fiqh al-Kuliyyah al-Kubra

Kaedah yang bersifat sangat umum dan diterima oleh kebanyakan ulama. Ia merangkumi lima kaedah utama dan boleh digunakan dalam pelbagai bab fiqh serta pelbagai bidang kehidupan, termasuk pelancongan dan hospitaliti.

5 KAEDAH FIQH DALAM PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



APLIKASI KAEDAH FIQH

الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا - SEGALA URUSAN BERDASARKAN NIAT



Kaedah ini bermaksud sesuatu amalan dinilai berdasarkan tujuan dan niat orang yang melakukannya. Perbuatan yang kelihatan sama boleh mempunyai nilai yang berbeza bergantung kepada niat.

Niat yang baik tidak menghalalkan perbuatan yang haram. Niat juga perlu selari dengan syariat dan Maqasid Syariah.

Dalil Riwayat al-Bukhari dan Muslim

"Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat."

Aplikasi dalam pelancongan

Pelancongan untuk tujuan yang baik

Contohnya menuntut ilmu, menziarahi keluarga, melihat kebesaran Allah, mencari pengalaman dan berehat.

Pelancongan untuk maksiat

Perjalanan yang sengaja dilakukan untuk maksiat tidak boleh dianggap sebagai pelancongan yang bernilai ibadah.

Aplikasi dalam hospitaliti

Hotel untuk kemudahan pelanggan

Menyediakan penginapan yang selamat, bersih dan mematuhi syariah merupakan usaha yang baik.

Hotel sebagai tempat melakukan maksiat

Jika sesuatu kemudahan sengaja dibina atau diurus untuk memudahkan maksiat, tujuan tersebut bercanggah dengan syariah.

APLIKASI KAEDAH FIQH

اليَقِينُ لَا يَزُولُ بِالشَّكِّ - KEYAKINAN TIDAK HILANG DENGAN KERAGUAN



Kaedah ini bermaksud sesuatu yang telah diyakini berdasarkan bukti atau keadaan yang pasti tidak berubah hanya disebabkan keraguan yang tidak mempunyai asas.

Yakin ialah sesuatu yang pasti berdasarkan bukti.
Syak ialah keadaan apabila seseorang berada dalam keraguan terhadap sesuatu perkara.

Dalil (Surah al-Hujurat : 12)
"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan, sesungguhnya sebahagian sangkaan itu adalah dosa."

Aplikasi dalam hospitaliti

- **Status halal makanan**

Sesuatu restoran yang mempunyai pengesahan halal yang sah tidak boleh dihukum tidak halal hanya berdasarkan dakwaan tanpa bukti.

- **Arah kiblat**

Arah kiblat yang disediakan di bilik hotel boleh dijadikan panduan kepada tetamu.

- **Status kebersihan**

Barang yang diketahui bersih tidak berubah statusnya hanya kerana seseorang membuat andaian bahawa ia mungkin tercemar.



Contoh situasi
Pelanggan melihat sijil halal yang sah di restoran hotel. Kemudian terdapat komen media sosial mengatakan makanan itu "mungkin tidak halal", tetapi tiada bukti dikemukakan.

Prinsip:
Jangan menggantikan sesuatu yang pasti dengan sangkaan semata-mata.

APLIKASI KAEDAH FIQH

المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ

KESUKARAN MENJADI SEBAB KEPADA KEMUDAHAN DAN KERINGANAN



Islam tidak bertujuan menyusahkan manusia. Apabila seseorang menghadapi kesukaran tertentu dalam melaksanakan kewajipan, syarak memberikan kemudahan atau rukhsah yang dibenarkan.

Rukhsah ialah keringanan hukum yang diberikan kerana adanya keuzuran atau keadaan tertentu.

Dalil Surah al-Baqarah :185)
"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran."

Allah SWT juga berfirman (Surah al-Baqarah :286)
"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."

Bentuk Keringanan

Antara bentuk rukhsah yang berkaitan dengan musafir ialah:

- Memendekkan solat daripada empat rakaat kepada dua rakaat;
- Menghimpunkan solat;
- Menggantikan wuduk dengan tayammum dalam keadaan tertentu;
- Berbuka puasa bagi musafir dengan menggantikannya pada hari lain.



SCAN ME!

Klik sini

APLIKASI KAEDAH FIQH

المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ
KESUKARAN MENJADI SEBAB KEPADA KEMUDAHAN DAN KERINGANAN

Aplikasi dalam Pelancongan dan Hosptaliti

Solat ketika dalam perjalanan
Pelancong yang memenuhi syarat musafir boleh menggunakan rukhsah jamak dan qasar supaya solat dapat dilaksanakan dengan lebih mudah ketika perjalanan jauh.

Berbuka puasa ketika bermusafir
Pelancong Muslim yang memenuhi syarat musafir boleh berbuka puasa dan menggantikannya pada hari lain.

Kemudahan untuk tetamu yang uzur
Hotel atau pusat pelancongan boleh menyediakan kerusi solat, laluan tanpa tangga, lif dan kemudahan akses bagi tetamu warga emas atau orang kurang upaya.

Tayammum ketika tiada kemudahan air
Pelancong yang berada di tempat yang sukar mendapatkan air atau tidak dapat menggunakan air atas sebab tertentu boleh bertayammum mengikut syarat yang ditetapkan.

Kemudahan solat di hotel
Hotel mesra Muslim boleh menyediakan ruang solat, arah kiblat, sejadah dan maklumat waktu solat bagi memudahkan tetamu menunaikan ibadah.

Pengurusan perjalanan yang fleksibel
Agensi pelancongan boleh menyusun jadual lawatan dengan mengambil kira waktu solat, waktu rehat dan keperluan ibadah supaya pelancong tidak menghadapi kesukaran yang tidak perlu.

Kata kunci:
KESUKARAN → RUKHSAH → KEMUDAHAN → IBADAH TERPELIHARA

APLIKASI KAEDAH FIQH

الضَّرَرُ يُزَالُ - KEMUDARATAN HENDAKLAH DIHILANGKAN



Kaedah ini bermaksud segala perkara yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada manusia hendaklah dielakkan atau dihapuskan. Jika seseorang ingin menghilangkan sesuatu kemudaratan, cara yang digunakan juga tidak boleh menyebabkan kemudaratan yang lebih besar kepada pihak lain.

Dalil (Surah al-A'raf :56)

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di bumi sesudah Allah memperbaikinya..."

Rasulullah SAW juga bersabda:

"Janganlah melakukan mudarat dan janganlah memudaratkan." (Riwayat Ibn Majah)

APLIKASI KAEDAH FIQH

الضَّرَرُ يُزَالُ
KEMUDARATAN HENDAKLAH DIHILANGKAN

Aplikasi dalam Pelancongan

Keselamatan pelancong
Pemandu pelancong tidak boleh membawa pelanggan ke tempat yang membahayakan nyawa.

Keselamatan pekerja
Majikan tidak boleh mengarahkan pekerja melakukan kerja yang mempunyai risiko yang tidak wajar.

Keselamatan makanan
Makanan yang boleh memudaratkan kesihatan tidak boleh disediakan kepada pelanggan.

Kelestarian alam
Aktiviti pelancongan perlu mengelakkan kerosakan terhadap alam sekitar.





Contoh Situasi:
Sebuah kawasan air terjun menjadi lokasi popular pelancong. Pengurusan menyediakan papan tanda keselamatan, tong sampah, tandas dan kawasan larangan bagi mengurangkan risiko kemalangan serta pencemaran.

APLIKASI KAEDAH FIQH

الضَّرَرُ يُزَالُ
KEMUDARATAN HENDAKLAH DIHILANGKAN

Aplikasi dalam Hospitaliti

Keselamatan tetamu
Hotel perlu memastikan bilik, lif, tangga dan kemudahan rekreasi berada dalam keadaan selamat bagi mengelakkan kecederaan.

Keselamatan makanan
Restoran dan hotel hendaklah memastikan makanan bersih, selamat dan tidak tercemar sebelum dihidangkan kepada tetamu.

Kebersihan bilik
Bilik penginapan perlu dibersihkan dan diselenggara dengan baik bagi mengelakkan penyakit, kemalangan atau ketidakselesaan tetamu.

Keselamatan kolam renang
Hotel perlu menyediakan langkah keselamatan seperti papan tanda amaran, kedalaman kolam dan pemantauan bagi mengelakkan kemalangan.

Privasi tetamu
Pihak hotel tidak boleh menyebarkan maklumat peribadi atau memasuki bilik tetamu tanpa sebab dan prosedur yang munasabah.

Kelestarian alam
Hotel perlu mengurangkan pembaziran air, elektrik dan penggunaan bahan yang boleh mencemarkan alam sekitar.



Contoh Situasi:
Hotel tidak boleh menyediakan makanan yang telah rosak kepada tetamu walaupun untuk mengurangkan pembaziran kerana mengelakkan kemudaratan kepada kesihatan lebih utama.

APLIKASI KAEDAH FIQH

الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ - ADAT SEBAGAI SUMBER HUKUM

Adat ialah sesuatu amalan yang menjadi kebiasaan dalam sesebuah masyarakat dan dilakukan berulang kali sehingga diterima sebagai kebiasaan.

Adat boleh dijadikan rujukan dalam perkara yang tidak mempunyai penjelasan khusus daripada syarak, selagi adat tersebut tidak bercanggah dengan hukum Islam.

Syarat adat boleh dijadikan rujukan adalah:

- Adat tersebut benar-benar menjadi kebiasaan masyarakat.
- Adat masih diamalkan.
- Adat diterima secara umum dan munasabah.
- Adat tidak bercanggah dengan syarak.

Dalil (Surah al-A'raf : 199)
"Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik..."



Contoh Situasi:

Pelancong Muslim mengunjungi sebuah kawasan yang mempunyai adat tertentu ketika menyambut tetamu. Pelancong menghormati adat tersebut selagi tidak melibatkan perkara yang bercanggah dengan syarak.

Kata kunci:
ADAT SETEMPAT + TIDAK BERCANGGAH SYARAK = BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN

APLIKASI KAEDAH FIQH

الْعَادَةُ مُحَكَّمَةٌ - ADAT SEBAGAI SUMBER HUKUM

Aplikasi dalam Pelancongan dan Hosptaliti

Adat berpakaian
Pelancong menyesuaikan cara berpakaian dengan budaya masyarakat setempat, khususnya ketika mengunjungi masjid, kawasan kampung atau tempat berunsur keagamaan.

Cara berkomunikasi
Pemandu pelancong menggunakan bahasa dan gaya komunikasi yang sesuai dengan budaya setempat bagi mengelakkan salah faham atau menyinggung perasaan masyarakat.

Adat memberi hantaran
Dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu, pemberian hantaran kepada pihak pasangan merupakan adat yang diamalkan secara meluas. Adat ini diharuskan selagi tidak membebankan, tidak mengandungi unsur pembaziran dan tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Adat menerima tetamu
Hotel atau homestay mengamalkan budaya tempatan seperti memberi salam, menyediakan minuman kepada tetamu dan melayan tetamu dengan sopan.

Adat dan pantang larang setempat
Pelancong menghormati kebiasaan masyarakat seperti meminta izin sebelum memasuki rumah, menjaga suara dan tidak mengambil gambar seseorang tanpa kebenaran.

Adat membuka kasut sebelum masuk rumah
Sesetengah masyarakat mengamalkan membuka kasut sebelum memasuki rumah. Pelancong wajar menghormati kebiasaan tersebut ketika menginap di homestay.

Kata kunci:
ADAT SETEMPAT + TIDAK BERCANGGAH SYARAK = BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN

RUMUSAN

KAEDAH	MAKSUD	CONTOH DALAM INDUSTRI
الأمور بمقاصدها	Segala urusan berdasarkan niat	Tujuan melancong, tujuan mengurus hotel
اليقين لا يزول بالشك	Keyakinan tidak hilang dengan keraguan	Status halal, arah kiblat
المشقة تجلب التيسير	Kesukaran membawa kepada kemudahan	Jamak dan qasar bagi musafir
الضرر يزال	Kemudaratan hendaklah dihilangkan	Keselamatan hotel, makanan dan alam
العادة محكمة	Adat boleh menjadi sumber hukum	Menghormati budaya dan adat setempat



KESIMPULAN

Aplikasi kaedah fiqh dalam bidang pelancongan dan hospitaliti membantu memastikan setiap aktiviti, perkhidmatan dan urusan dilaksanakan berdasarkan prinsip syariah serta mengambil kira aspek halal, akhlak, keselamatan, kemaslahatan dan kesejahteraan manusia.

Kaedah fiqh juga menjadi panduan dalam menghadapi pelbagai situasi dan keperluan semasa agar keputusan yang dibuat tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Oleh itu, pelancongan dan hospitaliti Islam bukan sekadar memberikan pengalaman dan kepuasan kepada pelanggan, tetapi turut menekankan amanah, etika dan keberkatan dalam setiap urusan.

Yang perlu diingat pelancongan dan hospitaliti bukan sekadar memenuhi kehendak pelanggan, tetapi memenuhi kehendak dengan cara yang diredai Allah SWT."

CHECKPOINT ILMU

"Berhenti seketika. Uji kefahaman, kukuhkan penguasaan dan teruskan perjalanan ilmu anda."

SCAN ME!

KLIK SINI

KLIK SINI

KLIK SINI

KESIMPULAN

Pelancongan dan hospitaliti dalam Islam bukan sekadar perjalanan dan perkhidmatan, tetapi merupakan satu bentuk kehidupan yang berpandukan syariah, akhlak dan nilai kemanusiaan.

Bermula dengan konsep asas Islam, setiap aktiviti pelancongan perlu berteraskan iman, ibadah dan akhlak. Konsep pelancongan dan hospitaliti Islam pula menekankan pengalaman yang selamat, halal, mesra serta menghormati keperluan tetamu.

Dalam masa yang sama, kebersihan dan nilai estetika menjadi sebahagian daripada tuntutan Islam yang mencerminkan kesucian, keselesaan dan keindahan. Kesemuanya dipandu oleh prinsip syariah dan kaedah fiqh agar setiap keputusan dalam pelancongan dan hospitaliti selari dengan hukum, mengutamakan kemaslahatan dan menghindari kemudaratan.


Kesimpulannya, pelancongan dalam Islam bukan hanya tentang ke mana kita pergi, tetapi bagaimana kita pergi, apa yang kita lakukan dan nilai yang kita bawa bersama.



LATIHAN INTERAKTIF

JOM UJI KEFAHAMAN ANDA

Klik sini @ imbas Qr Code untuk mengakses H5P Interactive Book dan uji kefahaman anda melalui kuiz, aktiviti interaktif dan soalan pengukuhan.



SCAN ME!

AKTIVITI AR/VR


JOM TEROKAI

Imbas dan aktifkan pengalaman AR. Masuki pengalaman maya dan terokai setiap sudut. Kenal pasti ciri, nilai dan amalan Islam yang diterapkan dalam pelancongan dan hospitaliti.



SCAN ME!

KLIK SINI



KLIK SINI



KLIK SINI V360

INFO ILMIAH

JOM TEROKAI LEBIH LANJUT

SCAN ME!

ISLAMIC TOURISME CENTRE

Pelancongan mesra muslim

JAKIM

Maklumat halal

TOURISME MALAYSIA

Destinasi & produk pelancongan

MOTAC

Dasar & pembangunan pelancongan Malaysia

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A. H. (2023). Understanding Muslim friendly hospitality. Journal of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR), 1(1).
- Abdul Aziz Hussin. (2015). Pelancong dan pelancongan Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, A. (2022). Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran (Edisi Rumi baharu). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Din, H. (2020). Islam: Rujukan efektif akhlak mulia. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Islamic Tourism Centre. (2024). Islamic Tourism Month 2024. Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia.
- Islamic Tourism Centre. (2025). Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition (MFAR). Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia.
- Islamic Tourism Centre. (2026). Muslim-Friendly hospitality services. Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia.
- ISLAC. (2017). Prosiding Seminar Antarabangsa Perundangan Islam dalam Masyarakat Kontemporari. Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Jabatan Mufti Kerajaan Brunei. (2012). Isu-isu produk halal (Edisi ke-3). Al-Hidayah House of Publication.
- Mohd Yousoof, F. B., Pang, C. Y., Akbar, M. A., & Thas Taker, M. A. (2023). The role of halal-friendly hospitality services in increasing visit intention: A Muslim tourist perspective. International Journal of Islamic Business, 8(2), 1–17. https://doi.org/10.32890/ijib2023.8.2.1
- Nor Azmin Mohamed Salleh, Wan Mohd Zul Wan Yusuf, & Mohd Toha Rulam Ahmad. (2015). Hospitaliti dan pelancongan dalam Islam. Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Salleh, M. N., et al. (2022). Pelancongan dan hospitaliti dalam Islam. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Sidik, R., et al. (2022). Pengajian Islam (Edisi ke-2). Oxford Fajar Sdn. Bhd.

SINOPSIS

Ebuku Pelancongan dan Hospitaliti dalam Islam membincangkan asas dan prinsip Islam yang menjadi panduan dalam membentuk aktiviti pelancongan dan hospitaliti yang halal, bersih, selamat, beretika dan berteraskan syariah. Kandungan ebook merangkumi empat topik utama, iaitu Konsep Asas Islam, Konsep Pelancongan dan Hospitaliti, Kebersihan dan Nilai Estetika dalam Islam, serta Prinsip Syariah dan Kaedah Fiqh dalam Pelancongan dan Hospitaliti.

Ebuku ini disusun secara ringkas dan mudah difahami bagi membantu pelajar memahami bagaimana nilai Islam diaplikasikan dalam industri pelancongan dan hospitaliti serta membentuk pengalaman pelancongan yang bukan sahaja menarik, tetapi turut memenuhi tuntutan agama dan memberi manfaat kepada manusia.

PENERBIT

POLITEKNIK MALAYSIA MERLIMAU

PELANCONGAN DAN HOSPITALITI DALAM ISLAM

eISBN 978-629-7737-69-0

9 786297 737690

POLITEKNIK MERLIMAU

(online)